

Mahasiswa, kemahiran insaniah dan kerja sambilan

U mum mengetahui bahawa tugas utama seorang pelajar ialah menumpukan perhatian terhadap akademik dan mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang yang mereka ambil di universiti. Namun begitu, kecemerlangan akademik semata-mata bukan lagi menjadi penentu masa depan yang gemilang pada masa kini. Kemahiran insaniah juga dilihat sebagai satu perkara penting yang dilihat oleh majikan sekarang.

Sedar akan perkara itu, mahasiswa kini mula melakukan sesuatu bagi mengisi masa yang mereka ada dengan melakukan kerja sambilan. Kini, kerja sambilan dalam kalangan mahasiswa bukanlah satu perkara asing lagi.

Jika dilihat sekarang, kebanyakan pelajar memilih untuk bekerja sambilan di restoran makanan segera, gedung pakaian, menjadi guru tuisyen ataupun berniaga secara dalam talian. Mahasiswa yang melakukan kerja sambilan ini bukan hanya melihat pada sisi keuntungan sahaja, tetapi mereka menjadikan pengalaman dalam pekerjaan itu sebagai satu keutamaan. Pengalaman kerja yang mereka dapati

menjadi satu kelebihan kepada mereka untuk menghadapi saingan pekerjaan selepas bergraduasi.

Secara tidak langsung, pengalaman kerja yang mereka peroleh dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran insaniah. Antara kemahiran yang boleh mereka dapati semasa bekerja ialah kemahiran untuk berkomunikasi dengan baik. Semasa bekerja mahasiswa akan berdepan masyarakat yang pelbagai dan perkara ini dapat meningkatkan keyakinan tinggi dalam diri mereka dalam mendekati masyarakat. Satu kelebihan kepada pelajar apabila dapat berkomunikasi bersama dengan pelancong luar negara sekali gus dapat mempraktikkan kemahiran berbahasa Inggeris bersama pelanggan tersebut. Perkara ini sememangnya tidak akan dapat diperolehi dari dalam kelas secara keseluruhan.

Selain itu juga, nilai tambah yang boleh mahasiswa dapati semasa bekerja ialah dapat mempraktikkan pemikiran kritikal dan perkara ini boleh didapati semasa mereka perlu menyelesaikan sesuatu masalah dalam pekerjaan. Lantaran itu, pelajar

tidak akan mempunyai masalah tekanan atau terkejut apabila diminta majikan untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalam pekerjaan selepas bergraduasi.

Kemahiran lain yang juga boleh mahasiswa peroleh semasa bekerja ialah pengurusan masa dan pengurusan wang secara sistematik. Tambahan lagi, mempunyai kelebihan untuk bekerja dalam kumpulan sememangnya merupakan ciri-ciri yang dicari oleh majikan sekarang. Justeru itu, pelajar yang mempunyai pengalaman dalam bekerja sambilan mempunyai kelebihan ini.

Perkara ini juga dipersetujui Penolong pendaftar, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, Universiti Putra Malaysia, Puan Sabrina Marzuki. Menurut beliau, majikan kini mahukan graduan yang mempunyai pakej iaitu bijak dalam akademik serta hebat dalam kemahiran insaniah di samping bijak menggunakan masa dan tidaklah sekadar menjadi pelajar 3K - Kuliah, Kafe dan Katil.

Hal ini menunjukkan mahasiswa itu adalah sorang yang aktif, berdikari dan mampu untuk melaksanakan apa sahaja

kerja yang diberi. Beliau juga sangat menggalakkan pelajar bekerja semasa belajar tetapi pekerjaan tersebut mestilah tidak membebankan diri yang membolehkan pelajar dapat membahagikan masa antara masa kuliah dan masa bekerja dengan sebaiknya.

Kelebihan lain, dengan mendapat wang tambahan hasil pekerjaan yang mereka lakukan, mereka boleh menggunakannya untuk menampung kos sara hidup. Perkara ini boleh mengelakkan pelajar daripada terus bergantung kepada wang pinjaman pembelajaran, biasiswa atau wang daripada keluarga.

Tuntasnya, kerja sambilan ini banyak memberikan faedah kepada mahasiswa. Mahasiswa perlulah tahu menguruskan masa dengan sebaiknya dan memilih pekerjaan yang tidak membebankan diri sendiri.

Kiriman:
Fairuznur Husna Mohd Ashari
Siswi Tahun 3 Jurusan Komunikasi UPM